

Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KAMI > 4

PENGENALAN > 5

PERKARA DASAR > 6

1. TUJUAN KITA, MISI, DAN NILAI

PERHUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN > 8

2. PEKERJA DAN HAK ASASI MANUSIA
3. PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN URUSAN SAKSAMA
4. PERHUBUNGAN PEMBEKAL DAN URUSAN SAKSAMA
5. PERHUBUNGAN KERAJAAN
6. PERHUBUNGAN MASYARAKAT

OPERASI DAN AKTIVITI > 16

7. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN
8. ANTI-RASUAH
9. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT
11. HADIAH, PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN PEMBERIAN
12. TANGGUNGJAWAB ALAM SEKITAR
13. SUMBANGAN DAN AKTIVITI POLITIK

KESELAMATAN DAN KAWALAN > 27

14. KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA
15. MAKLUMAT SULIT
16. REKOD DAN KAWALAN KEWANGAN
17. PEMELIHARAAN ASET

PENGURUSAN > 35

18. PENGURUSAN KOD ETIKA DAN PERATURAN PERNIAGAAN CEMEX

SURAT KOMITMEN, KOD ETIKA DAN PERATURAN PERNIAGAAN CEMEX > 38



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KAMI

Amalan nilai dan prinsip-prinsip yang terdiri daripada Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX merupakan kunci kepada kemajuan dan kejayaan kita.

Dalam perkembangan industri kita, nilai-nilai kita akan terus digunakan sebagai asas pada setiap tindakan kita. Lanya menggambarkan siapa diri kita, bagaimana sikap kita, dan apa yang kita percayai. Pada CEMEX, kita Memastikan Keselamatan, Fokus kepada Pelanggan, Mengejar Kecemerlangan, Kerja sebagai Satu CEMEX, dan Bertindak dengan Integriti. Dalam usaha berterusan kita untuk mengukuhkan lagi keyakinan pekerja, pelanggan, pelabur, pembekal dan masyarakat, kita mesti sentiasa mengemaskini dan mengukuhkan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada ketelusan setiap tindakan kita.

Setiap daripada kita adalah bertanggungjawab untuk mematuhi Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX, bukan sahaja untuk menjamin pematuhan kita terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai di setiap negara di mana kita beroperasi, tetapi juga untuk memastikan pematuhan kepada prinsip dan piawaian tertinggi tanggungjawab korporat. Kami juga menggalakkan anda untuk tampil ke hadapan apabila anda mempunyai soalan atau mengesyaki bahawa anda telah melihat suatu perbuatan salah laku. Adalah dasar CEMEX untuk tidak menghukum sesiapa yang membuat laporan dengan niat yang baik.

Saya mengharapkan sokongan, semangat dan komitmen anda yang berterusan untuk Tujuan bersama Membina Masa Depan yang Lebih Baik, bersatu dengan nilai-nilai yang membezakan syarikat ini dari yang lain.

Yang Benar,

Fernando A. Gonzalez
Ketua Pegawai Eksekutif

PENGENALAN

Sejak ditubuhkan pada tahun 1906, syarikat kita telah mendukung nilai-nilai yang membantu CEMEX berkembang seperti hari ini. Dokumen ini menerangkan perkara dasar yang menjadi asas kedua-dua inspirasi dan rujukan kita.

Proses globalisasi syarikat kita, dicirikan oleh pertumbuhan pesat dan perkembangan geografi, memerlukan integrasi pelbagai budaya yang berbeza. Bagi menyatukan dan mengukuhkan seluruh identiti kita di seluruh dunia, kita hendaklah memastikan bahawa nilai-nilai dan prinsip-prinsip syarikat kita membimbing aktiviti kita di setiap negara di mana kita beroperasi.

Dengan matlamat, pada awal tahun 1999, wakil-wakil dari semua kawasan operasi kita telah mengambil bahagian dalam pembangunan dokumen ini, Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX ("Kod"), yang telah diumumkan oleh Lorenzo H. Zambrano, Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, pada 13 April, 2000. Semenjak itu, Kod ini telah menjadi landasan untuk Visi Kita dan menetapkan prinsip-prinsip yang mendasari tindakan seharian kita.

Komitmen kita, sebagai sebahagian daripada pasukan CEMEX adalah, menghidupkan dokumen ini melalui semua tindakan kita, sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan di negara kita beroperasi. Kita yakin bahawa budaya yang berdasarkan Prinsip ini akan memupuk peningkatan penuh kebolehan dan kemahiran individu serta pertumbuhan yang kukuh dalam nilai syarikat kami untuk semua pihak yang berkepentingan; pelanggan, pelabur, pekerja, pembekal dan masyarakat.

Walaupun Kod ini meliputi pelbagai amalan perniagaan dan perhubungan, ia tidak boleh dan tidak dapat menangani setiap isu yang mungkin timbul atau setiap keputusan etika yang mesti dibuat. Sebaliknya, ia menetapkan prinsip panduan asas untuk pekerja CEMEX. Semua pegawai, pengarah dan pekerja perlu mengendalikan dirinya berpandukan Kod ini dan sentiasa cuba mengelak dari menimbulkan sebarang tingkah laku yang tidak wajar.


Tingkah laku beretika merupakan penghormatan kepada kita sebagai individu dan mencerminkan cara kita menjalankan perniagaan.

Salinan Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX ini adalah di bawah simpanan dan jagaan:

Nama: _____

Tandatangan: _____

PERKARA DASAR



1. TUJUAN KITA, MISI, DAN NILAI

Tujuan Kita

Membina Masa Depan Yang Lebih Baik

Misi Kita

Untuk mewujudkan nilai yang mampan dengan menyediakan produk dan penyelesaian yang terbaik di dalam industri untuk memenuhi keperluan pembinaan pada pelanggan kita di seluruh dunia.

Nilai Kita

Nilai-nilai kita membentuk intipati budaya kita: ianya menyatakan siapa diri kita, bagaimana sikap kita, dan apa yang kita percayai.

Memastikan Keselamatan

- Pastikan tiada yang lebih penting sebelum kesihatan & keselamatan orang ramai, kontraktor dan masyarakat
- Jadikan keselamatan tanggungjawab peribadi dan menjaga diri kita sendiri dan antara satu sama lain
- Percaya sifar kecederaan dan kematian adalah lebih daripada satu matlamat, ia adalah satu keperluan
- Percaya tanggungjawab terhadap keselamatan dan tingkah laku adalah tanggungjawab bersama.

Fokus pada pelanggan

- Membina hubungan yang erat bersama pelanggan yang dapat membezakan kita dari pesaing lain
- Mendengar para pelanggan kita, memahami cabaran mereka, dan menyediakan penyelesaian yang berguna
- Memenuhi komitmen kita dan menyelesaikan setiap masalah dengan segera
- Memastikan setiap perjalanan perniagaan dengan kita adalah mudah dan senang untuk pelanggan

Mengejar Kecemerlangan

- Berusaha mencapai standard yang tinggi untuk menjadi yang terbaik dalam industri kita
- Cabar diri kita untuk sentiasa memperbaiki dan tidak berpuas hati dengan hanya “cukup baik”
- Melebihi jangkaan didorong oleh semangat kita untuk kerja yang dilakukan
- Membina pemimpin yang memberi inspirasi, menggalakkan kecemerlangan, dan mencapai keputusan

Bekerja sebagai Satu CEMEX

- Memanfaatkan pengetahuan global kita sebagai satu kelebihan daya saing
- Berkongsi idea di seluruh dunia untuk memaksimumkan sumbangan individu kita
- Hargai individu yang meniru amalan terbaik seperti individu yang membangunkan mereka
- Sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik syarikat

Bertindak dengan integriti

- Penuhi komitmen kita dan lakukan apa yang kita katakan kita akan lakukan
- Bertindak dengan kejujuran dan ketelusan dalam semua interaksi kita
- Lakukan perkara yang betul dalam kepatuhan kepada Kod Etika
- Penjagaan untuk pekerja kita, masyarakat kita, dan sumber-sumber semula jadi

Ini adalah **prinsip** yang memberi panduan kepada **tingkah laku kita**

PERHUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN



2. PEKERJA DAN HAK ASASI MANUSIA

Pekerja CEMEX merupakan kelebihan daya saing dan Syarikat kita menyediakan persekitaran yang sesuai untuk perkembangan mereka. Sebagai bahagian yang penting dalam syarikat, kita mesti berusaha untuk merealisasikan misi kita dengan bertindak selaras dengan prinsip dan nilai yang kita kongsi bersama.



Soalan: Kebanyakan rakan sekerja saya adalah tempatan, manakala saya telah dibawa masuk dari negara lain. Bagi kebanyakan bahagian, rakan sekerja saya sangat mesra dan menerima saya, dan kita semua bekerja dengan baik bersama-sama. Walau bagaimanapun, salah seorang daripada mereka sentiasa membuat komen tentang bagaimana orang dari rantau saya "tidak boleh dipercayai." Dia sentiasa mengganggu saya dan memberitahu orang lain bahawa orang seperti saya mempunyai etika kerja yang lemah. Saya cuba untuk mengabaikannya, tetapi saya amat tersinggung oleh tingkah lakunya. Bagaimana saya harus bertindak?

Jawapan: Jika anda berasa selesa, beritahu rakan sekerja anda bahawa perkataan diskriminasi itu menyakitkan hati, mengganggu dan perlu dihentikan. Jika anda tidak berasa selesa, atau jika rakan sekerja ini tidak berhenti mengganggu anda, hubungi ETHOSline, Jawatankuasa Etika tempatan anda atau Jabatan Sumber Manusia anda. Setiap daripada kita di CEMEX mempunyai hak untuk bekerja di persekitaran bebas-diskriminasi dan bebas-gangguan. Anda tidak perlu bertolak ansur dengan sebarang gangguan.

Perekrutan pekerja

Kita merekrut pekerja berdasarkan keupayaan dan pengalaman kerjaya mereka dan penerimaan peribadi mereka terhadap nilai korporat kita. Proses pemilihan dan perekrutan pekerja kita dijalankan dengan penuh hormat, tanpa memberi harapan palsu dan selaras dengan undang-undang dan amalan tempatan.

Komitmen CEMEX kepada pekerja

Syarikat kita bertujuan untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan produktif kepada kita untuk memaksimumkan potensi dan kreativiti individu dan memupuk kerjasama dan semangat berpasukan. Kita masing-masing berhak ke tempat kerja yang mematuhi dan menghormati hak asasi manusia.

Setakat ini, Syarikat kita memberi keutamaan tinggi kepada:

- Pematuhan undang-undang dan peraturan buruh
- Menghormati untuk perbezaan individu dan pendapat dan mengelakkan sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan
- Keselamatan peralatan, sistem dan prosedur yang melindungi pekerja dan semua kemudahan
- Menjaga alam sekitar dan kesihatan pekerja
- Menjelaskan, berkomunikasi dan memastikan pematuhan terhadap polisi dan prosedur dalaman CEMEX

Sebagai pekerja, kita mesti memupuk persekitaran saling hormat-menghormati dan mematuhi undang-undang, kaedah dan peraturan negara-negara kita beroperasi.

Hubungan sesama pekerja

Kita mesti berusaha untuk memastikan bahawa hubungan sesama pekerja di tempat kerja menggalakkan kerjasama dan kerja berpasukan, yang merupakan faktor penting untuk mengatasi cabaran yang terus kita hadapi.

Bagi memupuk kerjasama, kita:

- Menyediakan sokongan efektif kepada orang lain dan mendorong kerja berpasukan dan rangkaian kepakaran di mana setiap orang berkongsi pengetahuan, pengalaman dan usaha terbaik
- Meletakkan prestasi korporat global Syarikat di atas dan melebihi prestasi persendirian, unit, kawasan atau unit perniagaan
- Tidak mengorbankan rancangan jangka masa panjang syarikat untuk pulangan jangka masa pendek
- Mengiktiraf persaingan sihat di tempat kerja yang membantu pertumbuhan individu dan kerjaya, asalkan ia tidak menjejaskan kerjasama, semangat berpasukan atau prestasi korporat secara keseluruhannya

Bagi menggalakkan komunikasi, kita:

- Mempromosikan nilai yang dikongsi dalam Syarikat dan menjadi model contoh yang positif untuk tingkah laku dan amalan yang dinyatakan dalam Kod ini
- Mengemukakan idea dan pandangan dengan jelas, jujur pada masa yang sesuai dan secara bertanggungjawab serta memberi kritikan membina untuk melancarkan perhubungan dan proses
- Menunjukkan sifat menghormati pendapat orang lain

Bagi memastikan pengurusan sumber manusia yang efektif, kita:

- Menyumbang kepada pembentukan dan kawalan persekitaran kerja yang sihat dan produktif di mana setiap individu dilayan dengan adil dan penuh hormat
- Mengelakkan penilaian yang tidak berasas terhadap orang lain
- Menetapkan matlamat yang mencabar, bersesuaian dengan kebolehan diri dan menekankan hasil
- Meminta dan mendengar dengan teliti maklum balas,
- Menyediakan maklum balas yang jujur, membina, berobjektif, berdasarkan fakta dan tepat pada masanya
- Membahagikan tanggungjawab kepada pekerja dan menyediakan tugas yang mencabar minda mereka
- Memberi pengiktirafan meluas tepat pada masanya untuk tugas yang dilaksanakan dengan cemerlang

Tanggungjawab pekerja

Sebagai pekerja, kita diharapkan agar:

- Membiasakan diri dengan misi Syarikat dan menyumbang kepada pencapaian dengan cara mengamalkan nilai organisasi kita dan mematuhi Kod ini
- Membaca, memahami dan mematuhi dasar dan prosedur dalaman CEMEX
- Mendedikasikan bakat dan usaha sepenuhnya kepada kerja kita
- Berkongsi pengetahuan dan pengalaman kita untuk manfaat CEMEX dan pihak berkepentingan
- Mencapai komitmen kita secara konsisten, jujur dan bertanggungjawab
- Berkongsi tanggungjawab bersama dengan Syarikat untuk perkembangan dan pembangunan individu, dan mengaut faedah daripada peluang yang CEMEX tawarkan untuk sentiasa mengemas kini kepakaran
- Menyumbang kepada persekitaran berkerjasama dan kerja berpasukan
- Menghormati dan menguatkuasakan semua piawai kesihatan dan keselamatan
- Memaparkan pada setiap masa imej terbaik Syarikat kita dengan menunjukkan teladan yang baik
- Tampil ke hadapan apabila kita mempunyai soalan atau mengesyaki sebarang tindakan salah laku

Komitmen CEMEX terhadap hak asasi manusia

Syarikat kita juga komited untuk menyediakan kita latihan yang berterusan, pembangunan, pengiktirafan individu, promosi jawatan berdasarkan merit, komunikasi jelas dan maklum balas yang berkesan. Di samping itu, kita mesti mematuhi segala undang-undang gaji dan masa bekerja yang menetapkan kerja kita, dan tidak menggunakan atau membiarkan penggunaan kanak-kanak atau buruh paksa. Sebagai sebuah syarikat yang percaya kepada kuasa berintegriti, CEMEX berharap untuk menghormati hak asasi manusia.

Oleh yang demikian, Syarikat kita menetapkan contoh global yang positif dengan:

- Menegakkan hak asasi manusia dengan mematuhi larangan buruh kanak-kanak dan buruh paksa, dan tidak pernah membezakan sesiapa berdasarkan ciri-ciri mereka yang dilindungi di sisi undang-undang
- Membuat keputusan pekerjaan yang berdasarkan merit semata-mata, dan bukan berdasarkan ciri-ciri yang dilindungi di sisi undang-undang seperti umur, bangsa, etnik, agama, kecacatan, status perkahwinan atau orientasi seksual, antara faktor-faktor lain
- Menyedari hak kebebasan berpersatuan
- Menumpukan kepada menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat, produktif dan keadaan kerja yang berperikemanusiaan
- Memperbaiki proses dan prosedur untuk meminimumkan kesan kita terhadap alam sekitar dan masyarakat yang menyokong kita

Adalah penting untuk matlamat dan operasi Syarikat kita untuk menghormati dan mematuhi undang-undang yang melindungi hak-hak asasi manusia. Di samping itu, ia menjadi tanggungjawab setiap daripada kita untuk membuat laporan jika kita mengesyaki berlakunya pencabulan hak asasi manusia. Ini termasuk apa-apa perbuatan tentangan yang kita saksikan akibat dari rakan sekerja mempertahankan hak mereka atau hak orang lain. Jangan teragak-agak untuk mendekati Jabatan Sumber Manusia anda, Jawantankuasa Etika Unit Perniagaan atau ETHOSline bagi melaporkan kebimbangan anda.



Bagaimana saya tahu jika saya telah menyaksikan pencabulan hak asasi manusia?

Pencabulan hak asasi manusia berlaku dalam banyak cara, dan kita komited untuk mencegah semua salah laku itu. Terdapat banyak keadaan yang boleh mengganggu hak-hak asasi. Tanya diri anda soalan-soalan berikut untuk memutuskan sama ada sesuatu tindakan, peristiwa atau keadaan yang telah anda saksikan boleh dianggap sebagai melanggar hak asasi manusia:

- Adakah situasi itu menyebabkan anda atau rakan sekerja bekerja dalam keadaan yang tidak selamat atau tidak sihat?
- Adakah anda atau rakan sekerja dijangka untuk melaksanakan tindakan yang tidak selesai, menyalahi undang-undang atau dari segi moral?
- Adakah anda menjadi mangsa tentangan, atau menyaksikan orang lain ditentang?
- Adakah anda menerima hukuman, atau menyaksikan seorang rakan sekerja menerima hukuman, apabila melakukan perkara yang dibenarkan undang-undang?
- Mungkinkah suatu tindakan atau situasi mempunyai kesan yang buruk kepada alam sekitar, masyarakat sekitar atau reputasi Syarikat kita?
- Dalam kes pelanggan atau pembekal, adakah anda melihat tindakan atau tingkah laku yang tidak mematuhi Kod kita, hak asasi manusia atau undang-undang?



Mengenal pasti diskriminasi

Tindakan diskriminasi sering kali secara terang-terangan menyinggung dan, oleh itu, mudah untuk dikesan. Ada masa pula, perkataan-perkataan diskriminasi adalah lebih licik. Jadi bagaimana kita tahu apabila kita telah menyaksikan satu tindakan diskriminasi? Perhatikan pada jenis komen-komen berikut:

- “Bolehkah anda percaya beliau dinaikkan pangkat? Semua orang tahu wanita bukan pemimpin yang baik.”
- “Saya tidak tahu kenapa mereka mengekalkannya. Dia terlalu tua untuk melakukan kerja jenis ini.”
- “Dia begitu muda - dia tidak layak berada di sini. Kita perlu mengupah orang dengan pengalaman dan pengetahuan, bukan orang seperti dia.”
- “Dia nampak cukup baik, tetapi orang-orang dari tempatnya tidak boleh dipercayai. Lebih baik kita tidak mengambilnya bekerja.”
- “Mengapa kita perlu mengambil seorang wanita hamil? Lagipun, dia akan pergi selepas dia melahirkan bayinya.”
- “Saya tidak percaya mereka mempromosi jawatan orang kurang upaya sebelum saya! Lihatlah dia - dia susah bergerak sekeliling.”

Semua komen-komen tersebut ada persamaan: ianya semua diskriminasi dan, oleh itu, dilarang. Jika anda menyaksikan pekerja CEMEX membuat kenyataan serupa, anda perlu menghentikan perbualan dengan segera dan memaklumkan rakan sekerja anda bahawa dia melanggar Kod, polisi Syarikat dan undang-undang. Anda digalakkan untuk melaporkan perlakuan itu jika ia berterusan atau menjadi lebih teruk.



Topik Berkaitan:

10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT
15. MAKLUMAT SULIT

3. PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN URUSAN SAKSAMA

CEMEX bekerja untuk menjadi pilihan terbaik kepada pelanggan kita. Semua urusan perniagaan dilaksanakan dengan saksama dan profesional dan kita membekalkan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi di masa dan tempat yang dipersetujui.

Sebagai syarikat dan secara individu, kita melakukan segala usaha yang mungkin untuk bertindak dalam cara yang berinovatif dan proaktif, melebihi jangkaan pelanggan dan meramalkan keperluan mereka untuk memastikan hubungan jangka masa panjang.

Pemilihan pasaran

Kita tidak mendiskriminasikan pelanggan atau pasaran atas sebarang sebab melainkan pematuhan peruntukan perundangan. Diskriminasi tidak berlandaskan undang-undang melanggar Kod ini dan undang-undang persaingan global, dan kita tidak boleh bertolak ansur dengan perkara ini. Jika anda menyaksikan atau mengesyaki pelanggan yang melanggar undang-undang atau diskriminasi pasaran, laporkan segera kepada ETHOSline atau Jabatan Perundangan.

Menjalankan perniagaan dengan pelanggan

Kita menggalakkan pelanggan kita untuk mematuhi piawaian Kod ini. Justeru, kita menasihati pelanggan kita agar tidak menjalankan atau terlibat dalam sebarang tindakan yang dilarang oleh undang-undang atau Kod ini. Jika terdapat pelanggan yang terlibat dalam aktiviti yang dilarang atau tidak beretika, ini akan menamatkan hubungan perniagaan yang ada.

Komitmen dan janji

Nilai Korporat kita memerlukan kita untuk melayani pelanggan dengan integriti dan tahap profesionalisma yang tinggi serta mengelakkan keangkuhan pada setiap masa. Bagi membina dan mengekalkan hubungan pelanggan berdasarkan kepercayaan dan kredibiliti, kita perlu membuat komitmen yang selaras dengan kebolehan kita. Jika faktor luar jangkaan mengakibatkan kegagalan untuk memenuhi komitmen, individu terlibat mesti memberitahu penyelia atasan dan pelanggan.

Promosi dan jualan

Promosi dan jualan kita adalah bebas daripada perwakilan palsu berkenaan kualiti produk dan/atau bekalan, tarikh penghantaran dan terma-terma bayaran. Kita mesti memasarkan produk dan perkhidmatan kita secara jujur dan tepat. Menggunakan amalan menipu atau tidak jujur adalah satu pelanggaran Kod dan nilai-nilai korporat kita, dan tidak akan dibiarkan.



Globalisasi

Perluasan perniagaan sedunia kita telah mendedahkan kita kepada budaya yang pelbagai. Apabila bekerja dalam persekitaran yang berbeza, kita akan menjalankan perniagaan dengan menghormati budaya, tradisi dan amalan tempatan. Bagaimanapun, kita perlu berunding dengan Jabatan Perundangan CEMEX sebelum membuat draf serta menandatangani perjanjian dan kontrak atau mengambil tindakan yang mungkin melanggar undang-undang atau peraturan dagangan dan persaingan. Anda adalah digalakkan untuk melaporkan tentang sebarang maklumat amalan dagangan tidak saksama yang sebenar atau bakal berlaku kepada penyelia.

Jika anda bertanggungjawab untuk kemudahan dan pengangkutan berkaitan operasi CEMEX, anda mestilah mematuhi amalan dan prosedur Syarikat bagi mengelakkan pengedaran dadah, penyeludupan dan penyalahgunaan harta sedemikian.



Topik Berkaitan:

- 10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT
- 11. HADIAH, PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN PEMBERIAN
- 15. MAKLUMAT SULIT

4. PERHUBUNGAN PEMBEKAL DAN URUSAN SAKSAMA

Kejayaan CEMEX adalah bergantung kepada hubungan pembekal yang berdasarkan kepercayaan dan faedah bersama. Kita akan sentiasa menguruskan hubungan dengan pembekal secara jujur, saling menghormati dan berintegriti, menawarkan peluang yang sama untuk semua pihak terlibat.

Kesamaan dan keadilan dalam hubungan dengan pembekal

Kita akan menyediakan pembekal dengan peluang yang sama untuk membida dan mendapatkan kontrak. Selain itu, kita akan sentiasa menjalankan proses pemerolehan secara konsisten, saling menghormati dan secara sulit. Dalam semua kes, penilaian kita untuk pemilihan pembekal adalah berdasarkan kriteria syarikat.

Menjalankan perniagaan dengan pembekal

Kita menggalakkan pembekal untuk mematuhi piawaian Kod ini dan oleh itu, amat menyarankan agar pembekal tidak melaksanakan atau melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan yang dilarang oleh undang-undang atau oleh Kod ini. CEMEX akan mengkaji laporan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika kes demi kes. Jika pembekal didapati telah terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, ia boleh mengakibatkan penamatan hubungan perniagaan.

Menghormati kontrak dan hak milik, mematuhi undang-undang dan peraturan

Kami menghormati semua perjanjian dan komitmen kita, termasuk hak cipta, lesen dan lain-lain tuntutan hak milik. Justeru, kita akan menjalankan perniagaan hanya dengan kontraktor atau pembekal yang layak, pemindahan atau pasaran produk dan/atau perkhidmatan yang tertakluk kepada royalti atau obligasi lain. Oleh itu, kontraktor dan pembekal dikehendaki untuk membuktikan ketulenan dan kesahihan produk dan perkhidmatan mereka. CEMEX tidak akan melakukan perniagaan dengan kontraktor dan pembekal yang tidak dapat menyediakan bukti sedemikian.



Topik Berkaitan:

- 10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT
- 11. HADIAH, PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN PEMBERIAN
- 15. MAKLUMAT SULIT

5. PERHUBUNGAN KERAJAAN

Operasi CEMEX memerlukan interaksi meluas dengan agensi kerajaan di banyak negara. Agensi-agensi ini mungkin bertindak sebagai pengawal, pelanggan, pembekal, pemegang saham dan/atau pengiklan. Kita akan sentiasa berinteraksi dengan agensi-agensi ini secara konsisten dengan prinsip dan nilai Syarikat dan penekanan khusus kepada kejujuran dan sifat menghormati.

Kerajaan sebagai pengawal

Kita mempunyai polisi kesedaran tentang, dan pematuhan dengan undang-undang, peraturan, piawaian dan peruntukan perundangan lain di setiap negara yang kita beroperasi. Tiada pekerja, pegawai atau pengarah CEMEX yang akan melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika atau mengarahkan orang lain untuk berbuat demikian, untuk sebarang sebab. Jika sebarang perlakuan menimbulkan persoalan mengenai pematuhan kepada undang-undang, peraturan atau kaedah yang ada, sila hubungi Jabatan Perundangan atau Jawatankuasa Etika tempatan anda.

Kerajaan sebagai pelanggan

Apabila membekalkan produk atau perkhidmatan kepada kerajaan, adalah penting bahawa kita sedar dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Jika sebahagian daripada kerja anda melibatkan jualan kepada agensi-agensi kerajaan, anda bertanggungjawab untuk mematuhi keperluan undang-undang yang mengawal setiap transaksi tertentu. Peraturan ini diguna pakai di mana sahaja transaksi mungkin berlaku.

Kerajaan sebagai pembekal

Dalam urusan niaga di mana kerajaan atau agensinya bertindak sebagai pembekal produk dan/atau perkhidmatan, kita hendaklah mematuhi prinsip yang ditetapkan di bawah “Perhubungan Pembekal dan Urusan Saksama.”

Kerajaan sebagai pemegang saham

Kerajaan yang merupakan pemegang saham dalam sebarang syarikat CEMEX akan dilayan serupa dengan pemegang saham yang lain. Tiada pemegang saham yang akan diberi kelebihan khas.

Kerajaan sebagai penganjur

Di mana-mana negara kita beroperasi, dan setakat yang dipraktikkan, kita akan menyumbang kepada usaha-usaha pembangunan masyarakat kerajaan selaras dengan kriteria yang ditetapkan dalam Kod ini di bawah “Perhubungan Masyarakat.”

Hubungan dengan pegawai kerajaan

Sebelum pertemuan perniagaan yang pertama dengan kerajaan atau agensinya, anda hendaklah memastikan bahawa anda dibenarkan untuk berinteraksi dengan pegawai kerajaan bagi pihak CEMEX.

Kerjasama teknikal dengan kerajaan

Kita akan menyediakan sokongan teknikal sementara untuk projek kerajaan yang direka bentuk untuk faedah komuniti, dengan syarat tindakan ini diluluskan oleh Pengarah Urusan Syarikat di negara tersebut.



Topik Berkaitan:

- 3. PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN URUSAN SAKSAMA
- 4. PERHUBUNGAN PEMBEKAL DAN URUSAN SAKSAMA
- 6. PERHUBUNGAN MASYARAKAT
- 8. ANTI-RASUAH

6. PERHUBUNGAN MASYARAKAT

CEMEX mempunyai komitmen untuk mempromosikan dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat dengan memelihara persekitaran, membentuk faedah bersama dan mengekalkan komunikasi terbuka.

Peranan CEMEX dalam program pembangunan masyarakat

Sebagai ahli komuniti sedunia yang bertanggungjawab, kita melibatkan diri secara lansung melalui organisasi sah dalam program dan tindakan yang direka bentuk untuk mempromosikan integrasi, pembangunan dan peningkatan kualiti hidup di negara kita beroperasi.

Penglibatan kita mungkin dalam bentuk khidmat rundingan, pengurusan, penajaan atau sebarang sokongan lain seperti produk, aset dan/atau perkhidmatan.

Penglibatan kita dalam projek pembangunan masyarakat perlu memastikan bahawa:

- Undang-undang tempatan tidak melarang penglibatan tersebut
- Program tersebut, tindakan atau penajaan telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan
- Pengarah Urusan Syarikat di negara terlibat atau Pengurus Serantau, atau pemegang amanah, meluluskan penglibatan tersebut
- Syarikat tidak memikul kewajipan dan tanggungjawab kepunyaan entiti kerajaan, organisasi-organisasi lain atau masyarakat itu sendiri
- Kita tidak membentuk atau menggalakkan mana-mana pergantungan kepada CEMEX
- Kami memberi tumpuan dalam pembangunan masyarakat dengan mempromosikan budaya, kesihatan, pendidikan, sukan, alam sekitar atau nilai yang sama
- Semua aktiviti direkodkan mengikut piawaian CEMEX dan prinsip perakaunan umum diterima di negara terlibat
- Penerima mengiktiraf sokongan dan menyatakan nilai dan/atau sifat, nama dan sebab sumbangan

Pekerja CEMEX tidak dibenarkan untuk meminta atau menerima sebarang faedah persendirian atau bantuan dalam memegang jawatan perkhidmatan awam sebagai pertukaran untuk sokongan yang disediakan oleh CEMEX. Sebagai wakil syarikat, pekerja CEMEX tidak akan menjejaskan masa depan CEMEX atau kualiti hubungan dengan masyarakat tempatan melalui sokongan jangka masa pendek.

Peranan pekerja CEMEX dalam pembangunan masyarakat

Tingkah laku pekerja kita dalam masyarakat mestilah menggambarkan nilai yang dipromosikan oleh CEMEX. Kita menyokong penglibatan pekerja dalam perkara yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat, dengan syarat penglibatan sedemikian tidak mengganggu prestasi kerja. Apabila mengambil bahagian dalam mana-mana organisasi berkenaan pada masa kita sendiri atau semasa bekerja dengan persetujuan Syarikat, kita hendaklah tidak memberi jangkauan palsu mengenai sokongan atau membayangkan bahawa, CEMEX akan menyumbang kepada program atau organisasi dalam apa-apa bentuk.

Pembangunan pembekal tempatan dan perekrutan pekerja

CEMEX percaya dalam pengambilan pekerja tempatan dan pembentukan hubungan dengan pembekal tempatan sebagai langkah menyumbang kepada pembangunan serantau. Peluang pekerjaan mesti berdasarkan kebolehan teknikal, prestasi, pendidikan dan pengalaman kerja yang ditakrifkan dengan jelas. Kriteria untuk pemilihan pembekal ialah harga kompetitif, kualiti, pengalaman dan perkhidmatan.



Topik Berkaitan:

- 2. PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN URUSAN SAKSAMA
- 4. PERHUBUNGAN PEMBEKAL DAN URUSAN SAKSAMA
- 12. TANGGUNGJAWAB ALAM SEKITAR

OPERASI DAN AKTIVITI



7. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

CEMEX mempunyai dedikasi untuk menjalankan semua aktiviti perniagaan dengan piawai etika yang tertinggi. Sementara kita berusaha untuk menjadi yang terbaik, nilai korporat kita menyatakan bahawa ini hanya boleh dicapai melalui kerja keras dan perkhidmatan cemerlang.

Pematuhan dengan semua undang-undang berkenaan merupakan asas nilai korporat kita. Ini adalah kenyataan berkenaan undang-undang persaingan. Walaupun pematuhan undang-undang persaingan ialah amalan perniagaan yang baik, kita harus ingat bahawa melanggar undang-undang persaingan akan membawa kesan yang besar kepada syarikat, pengarah, pegawai dan pekerjanya.

CEMEX beroperasi di banyak negara dengan undang-undang dan peraturan persaingan yang berbeza. Justeru, pekerja CEMEX perlu sentiasa memastikan bahawa semua aktiviti mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan dan juga polisi Syarikat. Pengarah Urusan Syarikat negara dipertanggungjawabkan untuk memastikan pematuhan tersebut.

Oleh yang demikian, kita diharapkan agar melaporkan sebarang amalan dagangan yang tidak adil atau berkemungkinan berlaku ke ETHOSline atau Jabatan Perundangan. Kita hendaklah menghubungi Jabatan Perundangan sekiranya terdapat sebarang soalan berkenaan amalan atau aktiviti tertentu.

Berurusan dengan pelanggan dan pembekal

Kita melayan semua pelanggan dan pembekal secara adil dan bersesuaian dengan semua undang-undang persaingan yang ada. Ini bermakna tidak mengambil kesempatan ke atas kedudukan pasaran bagi sebarang produk atau kawasan geografi tertentu. Perlu ada alasan perniagaan yang sah, seperti perbezaan kos atau penglibatan dalam bida kompetitif, untuk menjual produk yang sama kepada pelanggan di tempat yang sama pada harga berlainan.

Berurusan dengan pesaing

Tindakan kompetitif mesti berdasarkan pertimbangan perniagaan yang baik. Kita tidak akan membuat sebarang perjanjian dengan pesaing untuk mengekang dagangan. Contoh perjanjian tidak sah seperti ini termasuk penetapan harga, pemuluan secara berkumpulan dan manipulasi bida. Dalam hampir setiap negara, perjanjian seperti ini membawa kepada akibat perundangan yang serius sehingga hukuman penjara dan denda yang sangat tinggi.

Kita hendaklah berunding dengan Jabatan Perundangan sebelum mendraf serta menandatangani perjanjian dan kontrak atau mengambil tindakan yang mungkin melanggar undang-undang atau peraturan dagangan dan persaingan.



Soalan: Seorang rakan saya bekerja untuk sebuah syarikat bersaing. Ketika makan tengahari bersama, kebiasaannya kami bercakap tentang kehidupan peribadi kami. Walau bagaimanapun, hari ini kawan saya kecewa dengan perubahan harga baru syarikat itu yang diumumkan. Dia memberitahu saya, secara terperinci, bagaimana syarikat merancang untuk menaikkan harga produk dan perkhidmatan tertentu di seluruh organisasi. Saya tidak mahu mengkhianati amanah kawan saya, tetapi saya merasakan seperti saya perlu memberikan maklumat ini untuk membantu Cemex mendapat kelebihan daya saing. Apa yang perlu saya lakukan?

Jawapan: Anda tidak perlu menggunakan maklumat ini dengan cara apapun - walaupun memanfaatkan CEMEX. Tamatkan perbualan anda dengan rakan anda dan beritahunya bahawa dia tidak perlu berkongsi maklumat sulit mengenai syarikat itu dengan anda. Jelaskan bahawa anda tidak merancang untuk berbuat apa-apa dengan maklumat itu, tetapi anda mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan perbualan itu kepada Jabatan Perundangan anda. Perbualan ini boleh mewujudkan risiko melanggar undang-undang anti-persaingan, yang boleh membawa masalah besar dari segi undang-undang kepada anda dan CEMEX.

Adapun berhubung dengan pesaing tidak boleh dielakkan dan adalah sah, namun, kita perlu, sekiranya ragu-ragu, berunding dengan wakil dari Jabatan Perundangan SEBELUM sebarang komunikasi. Sebagai contoh, apabila pesaing juga merupakan pelanggan atau pembekal, adalah sesuai untuk meneruskan urusan perniagaan seperti dengan pelanggan atau pembekal. Namun, perbincangan patut dihadkan kepada terma urus niaga semasa sahaja. Pastikan individu yang melayan pelanggan dan bertanding dengannya bukan orang yang sama.

Cara paling selamat untuk mengelakkan perjanjian tidak sah dengan pesaing ialah mengelakkan pertemuan dan komunikasi dengan pesaing lain, kecuali tujuan komunikasi adalah jelas dan sah.

Ambil langkah tambahan apabila kita mempunyai “kedudukan dominan”

Jika Syarikat mempunyai kuasa, sama ada sebenar atau bakal, untuk mendominasi kawasan geografi atau pasaran tertentu, kita harus berjaga-jaga dan mengelakkan taktik yang boleh dilihat sebagai direka bentuk khas untuk mengeneipkan pesaing semasa dan bakal. Tindakan kompetitif mesti berdasarkan pertimbangan perniagaan yang baik. Menumpukan kepada syarikat tertentu atau mengambil langkah untuk meminggirkan syarikat tertentu dari arena perniagaan adalah tidak sesuai.

Selalunya, pihak berkuasa menggunakan dokumen syarikat sendiri (e-mel, tulisan tangan) untuk membuktikan salah laku. Oleh itu, untuk mengelakkan salah tafsir, anda harus mengelakkan penggunaan bahasa yang remeh dan tidak sesuai dalam dokumen perniagaan.

Peraturan yang baik ialah: jangan tulis sebarang perkara yang anda tidak mahu dengar atau baca pada halaman depan surat khabar.



Topik Berkaitan:

- 3. PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN URUSAN SAKSAMA
- 4. PERHUBUNGAN PEMBEKAL DAN URUSAN SAKSAMA

8. ANTI-RASUAH

Kita menolak segala bentuk rasuah. Memberi atau menerima rasuah adalah haram dan sangat tidak beretika dan boleh mendatangkan akibat yang teruk bagi semua pihak yang terlibat, termasuk penjara untuk individu dan tindakan keras bagi Syarikat. Kita komited untuk menjalankan perniagaan kita dengan ketelusan dan integriti, dan oleh itu akan memastikan semua urusan niaga mematuhi undang-undang anti-rasuah, termasuk keperluan untuk mengekalkan buku dan rekod yang lengkap dan tepat.



Soalan: Sebahagian daripada tugas saya melibatkan pelanggan kerajaan. Pada masa ini, saya bekerja dengan pegawai kerajaan luar, di negara di mana ia menjadi adat untuk memberi dan menerima hadiah perniagaan. Walau bagaimanapun, pegawai ini menuntut barangan mewah yang mahal yang saya pasti adalah melanggar polisi CEMEX dan kemungkinan undang-undang. Apa yang perlu saya lakukan?

Jawapan: Hubungi ETHOSline atau Jabatan Perundangan secepat mungkin. Walaupun beberapa hadiah kepada pegawai kerajaan adalah dibenarkan, bertindak menyediakan pelanggan kerajaan dengan hadiah yang mewah merupakan rasuah. Pastikan anda tidak memberi pegawai itu apa-apa jenis hadiah sehingga anda telah mendapat pengesahan dari Jabatan Perundangan bahawa anda boleh berbuat demikian.

Larangan umum mengenai rasuah

Semua bentuk rasuah adalah tidak beretika dan menyalahi undang-undang. Kami akan menyiasat semua tuduhan rasuah dan mengambil tindakan tatatertib dan jika sesuai, tindakan undang-undang terhadap pesalah laku.

Selaras dengan undang-undang anti-rasuah antarabangsa, kita tidak akan menjanjikan, menawarkan, melakukan, membayar, meminjamkan, memberi atau dalam apa-apa cara lain pemindahan apa-apa nilai kepada pegawai kerajaan jika sumbangan itu adalah menyalahi undang-undang atau dimaksudkan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang. Ini termasuk sumbangan secara langsung, seperti wang tunai, serta sumbangan tidak langsung, seperti membenarkan seorang pegawai untuk menggunakan sumber Syarikat kita atau ruang pejabat. Sumbangan yang sah memerlukan kebenaran oleh Pengarah Urusan Syarikat negara yang relevan, dan hendaklah didaftarkan dalam rekod perakaunan yang diterima pakai di bawah label tertentu.

“Pegawai Kerajaan” termasuklah:

- Mana-mana pegawai atau pekerja mana-mana cawangan atau organisasi kerajaan
- Parti-parti politik
- Calon-calon bagi penjawat awam
- Pekerja milik kerajaan atau entiti yang dikawal,
- Pekerja organisasi awam antarabangsa

Perbelanjaan hadiah, perjalanan dan hiburan

Hadiah, hiburan dan pemberian lain untuk faedah mana-mana agensi kerajaan, pegawai atau pekerja dibenarkan hanya bagi sebab-sebab perniagaan yang sah. Dalam semua kes, amalan-amalan itu mestilah bernilai nominal dan hendaklah sah di sisi undang-undang, dan memerlukan kebenaran bertulis daripada Pengarah Urusan Syarikat negara anda.

Perbelanjaan perjalanan untuk mana-mana pegawai kerajaan, jika dibayar oleh kita, mestilah munasabah dan atas sebab-sebab perniagaan yang sah, seperti lawatan ke tapak projek untuk menjelaskan usul perniagaan kita. Dalam semua kes, perbelanjaan perjalanan itu mestilah sah di sisi undang-undang dan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah Urusan Syarikat negara anda.

Semua perbelanjaan hadiah, perjalanan dan hiburan mestilah direkodkan secara khususnya dengan tepat menurut undang-undang dan prosedur Syarikat yang ada.

Berurusan dengan pengantara

Kita tidak boleh membuat sesuatu secara tidak langsung apa yang kita tidak boleh lakukan secara langsung. Oleh sebab itu, kita tidak akan menggunakan mana-mana pihak ketiga sebagai pengantara untuk memberi rasuah.

Kejahilan bukanlah suatu alasan untuk melanggar undang-undang anti-rasuah. Sebelum berurusan dengan mana-mana wakil pihak ketiga atau pengantara, kita mesti memastikan bahawa ia bersetuju untuk mematuhi peruntukan dalam Kod ini dan bereputasi. Jabatan Perundangan akan membantu anda menjalankan pemeriksaan menyeluruh yang wajar dan mendokumentasikan hubungan dengan mana-mana wakil pihak ketiga atau pengantara.



Amaran ketika berurusan dengan pegawai kerajaan

Berurusan dengan pegawai kerajaan boleh menjadi rumit, dan terdapat banyak undang-undang dan prosedur yang kita perlu ketahui. Berikut adalah beberapa senario yang tidak sesuai dan mungkin melanggar undang-undang anti-rasuah:

- Calon politik bagi pilihan raya meminta sumbangan CEMEX secara haram, sama ada untuk kempen, atau program/perkara yang disokong oleh calon
- Penguatkuasa menuntut bayaran tunai bagi meluluskan kontrak atau permit kerja
- Pelanggan kerajaan memohon pembayaran balik untuk perbelanjaan peribadi ketika melawat kemudahan CEMEX
- Satu pihak ketiga yang bekerja di pihak CEMEX menawarkan rasuah kepada pegawai kerajaan bagi pihak Syarikat
- Pegawai kerajaan luar meminta hadiah mewah sebagai pertukaran untuk mendapatkan perniagaan dengan sebuah syarikat tempatan
- Pekerja CEMEX meraikan seorang pegawai kerajaan dengan hidangan yang mahal, dan membayar duit saku

Ini adalah beberapa situasi di mana anda dan CEMEX boleh berada dalam risiko melanggar, atau kelihatan melanggar undang-undang anti-rasuah global. Anda perlu mendapatkan nasihat serta-merta dari ETHOSline atau Jabatan Perundangan anda sebelum meneruskan sekiranya anda menghadapi apa-apa situasi di atas.



Topik Berkaitan:
5. PERHUBUNGAN KERAJAAN

9. PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

Pengubahan wang haram dianggap sebagai apa-apa transaksi atau suatu siri transaksi yang diambil untuk menyembunyikan sumber sebenar dana haram atau membuatkan dana tersebut seolah-olah telah diperoleh daripada aktiviti yang sah. Ini boleh termasuk menyembunyikan sumber hasil daripada jenayah, sama ada wang atau harta lain, dalam aktiviti perniagaan yang sah. Banyak kali, pengubahan wang haram juga merangkumi sokongan terhadap pegganas atau aktiviti jenayah melalui dana yang sah. Aktiviti menyalahi undang-undang yang melibatkan pengubahan wang haram ialah: keganasan, pendedaran dadah, fraud, sogokan, penyeludupan dan rompakan.

CEMEX komited untuk tidak memudahkan atau menyokong pengubahan wang haram. Kami komited untuk:

- sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan pengubahan wang haram yang terpakai;
- mengurangkan risiko dan mengelakkan daripada terlibat dalam perkiraan atau pengendalian yang mungkin atau yang berhubungan dengan hasil daripada jenayah; dan
- mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menilai hubungan perniagaan kami bagi memastikan integritinya.



Amaran bendera merah yang berhubungan dengan pengubahan wang haram boleh termasuk bayaran:

- yang dibuat atau diminta dalam mata wang selain mata wang yang dinyatakan dalam perjanjian atau inouis yang berkaitan;
- kepada atau daripada negara yang tiada hubungan perniagaan;
- dibuat secara tunai bagi sejumlah wang yang banyak; dan
- melibatkan pihak ketiga atau pengantara yang tidak mempunyai peranan yang ketara atau jelas dalam transaksi itu.

Apa-apa kebimbangan mengenai pembayaran atau transaksi hendaklah dilaporkan kepada ETHOSline dan Jabatan Perundangan. Jika semasa menjalankan perniagaan dengan mana-mana pihak, pihak tersebut enggan memberikan maklumat berkenaan butir-butir identiti atau transaksi mereka atau anda mengesyaki apa-apa penglibatan dalam aktiviti pengubahan wang haram, anda hendaklah dengan segera melaporkan dan menyuarakan kebimbangan itu kepada ETHOSline serta Jabatan Perundangan.

Di CEMEX, kami menggalakkan anda supaya tidak menjalankan perniagaan dengan orang yang tidak dikenali atau disyaki telah melakukan kesalahan yang berhubungan dengan transaksi perniagaan; jika diminta oleh mana-mana pihak ketiga untuk membincangkan tentang kebimbangan pengubahan wang haram, kami mohon supaya anda berunding terlebih dahulu dengan Jabatan Perundangan; tidak menyembunyikan wang yang merupakan atau mungkin hasil daripada jenayah; dan tidak akan terlibat dalam perkiraan yang melibatkan hasil daripada jenayah.

10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT

Pekerja, pegawai dan pengarah CEMEX mempunyai tanggungjawab untuk berkelakuan jujur dan beretika serta bertindak berdasarkan kepentingan terbaik CEMEX. Semua pekerja, pegawai dan pengarah patut berusaha untuk mengelakkan situasi yang akan menyebabkan konflik sebenar atau bakal berlaku antara kepentingan mereka dan kepentingan CEMEX.

Pekerja dengan kepentingan atau perniagaan luar

Setiap dari kita dijangka mendedikasikan bakat dan usaha kita kepada CEMEX dan bersikap setia kepada syarikat. Ini bermaksud kita tidak patut:

- Melaksanakan atau terlibat dengan sebarang dagangan atau perniagaan yang secara langsung atau tidak langsung bersaing dengan CEMEX
- Menggunakan kedudukan kerja di CEMEX untuk mendapatkan faedah peribadi yang tidak sah, termasuk faedah untuk ahli keluarga atau parti ketiga
- Mendapatkan hasil atau faedah daripada pembekal, pesaing atau pelanggan

Pengecualian kepada peraturan ini ialah sebarang faedah yang diterima untuk keahlian Lembaga Pengarah korporat — jika diluluskan oleh ketua unit atau kawasan perniagaan CEMEX — atau kerja untuk organisasi tanpa keuntungan.

Pekerja sebagai pelanggan CEMEX

Pekerja Syarikat boleh membeli produk CEMEX untuk kegunaan sendiri dengan syarat kita mematuhi polisi Syarikat. Syarikat CEMEX memelihara hak untuk mengesahkan destinasi akhir sebarang barangan sedemikian. Tambahan pula, kita tidak boleh memiliki sebarang perniagaan yang terlibat dalam pemasaran, pengedaran, pengangkutan atau pemprosesan produk atau perkhidmatan CEMEX.

Pekerja sebagai pembekal

Bagi mengelakkan konflik kepentingan, kita tidak boleh menjadi pembekal kepada Syarikat. Dalam kata lain, perniagaan yang dimiliki oleh pekerja CEMEX tidak boleh membekalkan produk dan/atau perkhidmatan kepada CEMEX.

Saudara pekerja sebagai pelanggan atau pembekal

Kita tidak boleh melibatkan diri atau mempengaruhi secara langsung atau tidak sebarang keperluan, rundingan atau proses mencapai keputusan berkaitan dengan pelanggan dan pembekal yang merupakan ahli keluarga. Ahli keluarga termasuklah pasangan, anak, anak tiri, ibu bapa, ibu bapa tiri, adik-beradik, ipar dan lain-lain saudara terdekat atau rakan keluarga.

Syarikat kita mengharapkan agar perniagaan kita dijalankan bebas daripada sebarang konflik sebenar atau yang bakal berlaku apabila kesetiaan terbahagi antara kepentingan sendiri atau kepentingan CEMEX. Kita perlu mengelak situasi yang boleh menyebabkan konflik kepentingan antara diri dan Syarikat. Situasi yang boleh menyebabkan konflik kepentingan hendaklah dilaporkan kepada ETHOSline atau Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan.



“Konflik kepentingan” berlaku apabila kepentingan peribadi seorang mengganggu dalam sebarang cara atau kelihatan mengganggu dengan kepentingan CEMEX, termasuk semua anak syarikat dan sekutu. Konflik kepentingan boleh berlaku apabila pekerja, pegawai atau pengarah mengambil tindakan atau mempunyai kepentingan yang menyukarkannya untuk melaksanakan kerjanya dengan objektif dan cekap. Konflik kepentingan mungkin berlaku apabila pekerja, pegawai atau pengarah (atau ahli keluarga) menerima faedah persendirian yang tidak sepatutnya disebabkan kedudukannya dalam CEMEX.



Bagaimana saya tahu apabila konflik kepentingan perlu ditangani?

- Adakah situasi itu menyukarkan anda untuk melakukan kerja dengan adil, dan tanpa berat sebelah?
- Adakah anda dalam kedudukan untuk berkongsi maklumat yang tidak harus dikongsi, walaupun secara tidak sengaja, dengan pekerja CEMEX lain, rakan kongsi perniagaan CEMEX atau pesaing CEMEX?
- Adakah anda tergoda untuk melakukan sesuatu ke atas maklumat yang anda terima melalui kerja anda di CEMEX yang akan merosakkan kepentingan terbaik Cemex?
- Adakah situasi atau tindakan yang dicadangkan membuat ia sukar atau mustahil untuk anda untuk mematuhi Kod, polisi dan undang-undang?
- Jika sesiapa mendapat tahu tentang situasi tersebut, ia boleh menyebabkan kemudaratan atau keaiban kepada anda atau CEMEX?

Jika sesiapa mendapat tahu tentang situasi tersebut, ia boleh menyebabkan kemudaratan atau keaiban kepada anda atau CEMEX?

Pemegang saham sebagai pelanggan atau pembekal

Ada ketika, di mana pemegang saham juga bertindak sebagai pelanggan atau pembekal CEMEX. Kita akan melayan pemegang saham yang ingin mengadakan perniagaan dengan CEMEX seperti mana kita melayan pembekal atau pelanggan CEMEX yang lain. Mereka juga tertakluk kepada prosedur dan terma yang sama seperti pembekal atau pelanggan CEMEX yang lain.

Pemegang saham dan/atau pekerja dengan ahli keluarga dalam CEMEX

Sebagai pekerja atau pemegang saham, ahli keluarga kita juga boleh bekerja untuk Syarikat dengan syarat mereka memenuhi keperluan pekerjaan. Dalam semua kes, pengambilan saudara akan mengikuti prosedur pemilihan yang ditetapkan oleh Jabatan Sumber Manusia tempatan CEMEX. Pekerja CEMEX tidak boleh menyelia sebarang ahli keluarga secara langsung atau tidak langsung. Sebarang keputusan berkenaan pekerja tertakluk kepada amalan yang diaplikasikan untuk semua pekerja CEMEX.

Melaporkan konflik kepentingan

Situasi yang melibatkan konflik kepentingan bukan selalu ketara atau mudah diselesaikan. Oleh itu kita dikehendaki melaporkan konflik kepentingan sebenar atau bakal berlaku kepada Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan atau ETHOSline. Dalam pada itu, pegawai eksekutif atasan dan pengarah Syarikat mesti mendedahkan kepada Jawatankuasa Etika sebarang bahan urus niaga atau hubungan yang boleh menyebabkan konflik kepentingan dan Jawatankuasa Etika akan memberitahu Lembaga Pengarah (atau Ahli Lembaga) tentang perkara ini.

Mengendalikan konflik kepentingan

Sekiranya konflik kepentingan yang sebenar atau ketara timbul antara hubungan peribadi dan profesional atau aktiviti, kita diharapkan untuk menangani konflik apa-apa kepentingan dalam cara yang beretika, dan selaras dengan peruntukan-peruntukan Kod ini.



Topik Berkaitan:

2. PEKERJA DAN HAK ASASI MANUSIA
3. PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN URUSAN SAKSAMA
4. PERHUBUNGAN PEMBEKAL DAN URUSAN SAKSAMA
8. ANTI-RASUAH
11. HADIAH, PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN PEMBERIAN
15. MAKLUMAT SULIT
17. PEMELIHARAAN ASET

11. HADIAH, PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN PEMBERIAN

Kita tidak boleh menerima atau menghulurkan apa-apa jenis pemberian yang boleh mempengaruhi, atau kelihatan mempengaruhi keputusan yang melibatkan rundingan semasa atau masa depan. Adalah dilarang untuk meminta atau berunding apa-apa jenis perkhidmatan, hadiah, atau lain-lain pemberian.

Menerima hadiah, perkhidmatan dan lain-lain pemberian

Hadiah, perkhidmatan dan lain-lain pemberian daripada pelanggan, pembekal, perunding, pembekal perkhidmatan CEMEX, samada semasa atau berpotensi, boleh diterima hanya jika ianya diberi atas sebab-sebab perniagaan yang sah.

Anda tidak dibenarkan untuk meminta atau mengadakan rundingan melibatkan hadiah, perkhidmatan atau lain-lain pemberian daripada pelanggan, pembekal, perunding, pembekal perkhidmatan atau pihak ketiga yang lain. Di samping itu, anda tidak dibenarkan untuk menerima hadiah, perkhidmatan atau lain-lain pemberian daripada pihak-pihak ini, kecuali bahan, perkhidmatan atau lain-lain pemberian promosi yang sah selaras dengan amalan perniagaan. Jika diterima, pemberian itu memerlukan kebenaran bertulis daripada penyelia atasan anda, dan yang paling penting, tidak boleh mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi integriti atau objektif anda, atau mewujudkan jangkaan terhadap tanggungjawab peribadi anda.

Anda tidak boleh meminta, berunding atau menerima diskaun atau lain-lain pemberian dari pembekal, perunding atau pembekal perkhidmatan untuk faedah anda sendiri atau orang lain melainkan jika tindakan itu adalah sah di sisi undang-undang, etika dan amalan perniagaan yang diterima umum antara CEMEX dan pihak-pihak ini. Di samping itu, anda mesti mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah Urusan Syarikat negara / ketua kawasan anda. Selanjutnya, anda tidak boleh meminta atau menerima derma untuk tujuan kebajikan atau lain-lain khairat daripada pelanggan, pembekal, perunding atau pembekal perkhidmatan semasa atau berpotensi, kecuali CEMEX, bekerjasama dengan syarikat-syarikat lain, memutuskan untuk menyokong kempen tertentu.

Memberi hadiah, perkhidmatan dan lain-lain pemberian

Hadiah, perkhidmatan dan lain-lain perkhidmatan untuk faedah pelanggan, pembekal, perunding atau pembekal perkhidmatan semasa dan berpotensi, hanya dibenarkan bagi sebab-sebab perniagaan yang sah. Dalam semua kes, pemberian itu mestilah sah di sisi undang-undang dan memerlukan kebenaran bertulis daripada penyelia atasan anda. Apa-apa perbelanjaan yang terhasil mestilah direkodkan dengan tepat mengikut prosedur syarikat. Anda tidak dibenarkan meminta atau berunding apa-apa jenis perkhidmatan, hadiah, atau lain-lain pemberian kepada pelanggan, pembekal, perunding atau pembekal perkhidmatan.



Soalan: Seorang pembekal CEMEX baru-baru ini telah menghantar pasukan saya bakul hadiah percutian. Bakul hadiah ini dari peruncit popular, dan bernilai sekitar AS \$ 100. Kami telah melakukan perniagaan dengan pembekal ini selama bertahun-tahun, dan hadiah tersebut adalah untuk semua berkongsi. Adakah kita boleh menerima bakul hadiah itu?

Jawapan: Anda hanya boleh menerima hadiah tersebut dengan kebenaran daripada penyelia atasan anda. Hadiah jenis ini mungkin selaras dengan amalan perniagaan yang biasa. Walau bagaimanapun, adalah menjadi polisi CEMEX untuk mendapatkan kebenaran bagi menerima hadiah daripada pembekal atau rakan kongsi perniagaan yang lain. Terpujang kepada penyelia anda untuk menentukan sama ada hadiah ini akan mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi, manamana rundingan masa depan. Anda juga boleh berunding dengan ETHOSline atau Jawatankuasa Etika tempatan anda.



Apa yang dimaksudkan dengan hadiah “yang dibenarkan”?

Amalan menawarkan dan menerima hadiah dan lain-lain pemberian perniagaan adalah berbeza antara pelbagai bidang kuasa. Pemberian hadiah merupakan satu komponen penting dalam kebanyakan budaya tradisi di seluruh dunia. Oleh itu, memutuskan jenis hadiah yang dibenarkan untuk ditawarkan atau diterima boleh menjadi sukar. Apabila berhadapan dengan senario pemberian hadiah, tanya diri anda soalan-soalan berikut:

- Adakah hadiah ini akan saya berikan kepada mana-mana pelanggan, pembekal atau rakan kongsi perniagaan CEMEX yang lain?
- Adakah pelanggan, pembekal atau rakan kongsi perniagaan CEMEX akan menawarkan hadiah kepada orang lain juga?
- Adakah hadiah ini menarik, bersesuaian dengan kerja dan murah?
- Adakah hadiah ini hanya diberikan pada sesuatu masa yang sesuai - seperti promosi, ulang tahun atau cuti umum?
- Adakah dengan menawarkan atau menerima hadiah ini menyebabkan saya atau rakan perniagaan CEMEX saya berat sebelah?
- Jika saya menawarkan atau menerima hadiah ini, dan sekiranya diketahui media, ia boleh merosakkan reputasi saya atau CEMEX?

Rasuah dan/atau peras ugut

Rasuah dan peras ugut adalah tidak wajar dan dilarang di dalam semua keadaan. Jika anda menerima tawaran atau permintaan untuk rasuah, atau dipaksa atau diugut dalam perkara berkaitan kerja anda, sama ada di dalam atau di luar organisasi, laporkan situasi itu dengan segera. Anda juga perlu melaporkan sebarang peras ugut atau rasuah pekerja atau rakan-rakan yang lain kepada Jabatan Perundangan atau melalui ETHOSline.

Contoh Hadiah Dibenarkan dan Yang Tidak Dibenarkan

Adalah sukar untuk mengetahui sama ada sesuatu hadiah yang akan kita beri atau terima adalah sesuai, terutamanya apabila peraturan-peraturan mengenai hadiah berubah dari lokasi ke lokasi. Yang disenaraikan di bawah adalah beberapa contoh jenis hadiah yang dibenarkan dan tidak dibenarkan. Perlu diingat bahawa, walaupun ini bukanlah satu senarai lengkap, ia tetap menyediakan panduan praktikal dalam menentukan hadiah yang bersifat munasabah atau tidak munasabah.



Hadiah yang dibenarkan termasuk:

- Barangan promosi, seperti pen, pad nota, cawan atau magnet
- Bakul hadiah atau lain-lain barangan biasa yang bermusim
- Kad ucapan dan nota terima kasih untuk perkhidmatan
- Hadiah kecil sebagai tanda simbolik untuk majlis-majlis khas, seperti harijadi, perkahwinan atau pentauliah



Hadiah yang tidak dibenarkan termasuk:

- Hadiah wang tunai atau yang setara, seperti cek, kad hadiah atau sijil hadiah
- Barangan mewah, seperti jam tangan atau pen mahal, wain atau barangan elektronik yang mahal
- Tiket mahal untuk acara eksklusif, seperti pembukaan muzium, acara sukan tempatan atau teater khas tidak dibuka untuk umum



Topik Berkaitan:

3. PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN URUSAN SAKSAMA
4. PERHUBUNGAN PEMBEKAL DAN URUSAN SAKSAMA
8. ANTI-RASUAH
10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT
17. PEMELIHARAAN ASET

12. TANGGUNGJAWAB ALAM SEKITAR

Di CEMEX pengurusan alam sekitar merupakan keutamaan falsafah perniagaan kita. Kita komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara bertanggungjawab dan mengekalkan alam sekitar serta meminimumkan kesan aktiviti perniagaan kita terhadap alam sekitar.

Komitmen kita terhadap alam sekitar

Kita komited untuk mengurangkan kesan ekologi yang disebabkan oleh aktiviti kuari, loji dan operasi logistik terhadap masyarakat sekeliling. Kita lakukan ini dengan cara memantau dan mengawal pelepasan udara; pengurusan tanah dan pemuliharaan biodiversiti di dalam dan di sekitar tapak kita; meminimumkan gangguan seperti bunyi bising, getaran, lalu lintas dan; mengoptimumkan penggunaan air; serta mengurangkan dan mengitar semula sisa. Sasaran dalaman kita sentiasa dipantau dan disemak secara berkala dan dikemaskini. Kita menyediakan sumber-sumber yang perlu bagi arahan, latihan dan penyeliaan kepada pekerja-pekerja kita untuk menguruskan aspek-aspek persekitaran operasi kita.

Komitmen pekerja CEMEX

Setiap orang yang bekerja di CEMEX bertanggungjawab untuk mempraktikkan penjagaan alam sekitar yang betul dan digalakkan untuk melaporkan potensi risiko alam sekitar. Pengurus bertanggungjawab untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab alam sekitar, menyediakan sumber yang sesuai, serta mengukur, mengkaji dan terus memperbaiki prestasi alam sekitar di mana CEMEX beroperasi.

Setiap pekerja digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program alam sekitar, sebagaimana yang diperuntukkan dalam garis panduan Syarikat.

Komitmen kepada masyarakat

CEMEX mengekalkan komitmen untuk memaksimumkan penggunaan sumber asli dengan cekap, dan mengeluarkan produk yang selaras dengan jangkaan alam sekitar pelanggan kita. Kita akan terus bekerjasama dengan kerajaan dan masyarakat untuk menggalakkan mekanisme yang berkesan dan menyokong peningkatan mutu alam sekitar, dan kita akan mengekalkan komunikasi terbuka dengan pekerja, kontraktor, masyarakat dan pihak yang berkepentingan mengenai kemajuan kita. Syarikat kita secara proaktif mengambil bahagian dalam organisasi awam dan swasta yang terlibat dalam mengekalkan keseimbangan ekologi. Kita juga bekerjasama dalam mereka bentuk dan mengemaskini peraturan-peraturan alam sekitar mengikut perancangan dan program Syarikat.



Topik Berkaitan:
6. PERHUBUNGAN MASYARAKAT

13. SUMBANGAN DAN AKTIVITI POLITIK

CEMEX memperakui dan menghormati hak pekerja untuk mengambil bahagian dalam aktiviti luar syarikat, seperti politik, dengan syarat bahawa ianya adalah sah dan tidak mengganggu tugas dan tanggungjawab kakitangan atau melibatkan syarikat dalam apa-apa cara.



Sumbangan politik adalah ditakrifkan sebagai memberi wang, barangan, perkhidmatan atau aset lain kepada parti-parti politik, organisasi berorientasikan politik atau calon-calon bagi penjawat awam.

Aktiviti politik adalah ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang diambil untuk tujuan politik, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keahlian dalam parti atau organisasi politik, bertanding untuk jawatan awam, penglibatan dalam kempen pilihan raya atau yang memegang jawatan awam atau mana-mana jawatan dalam sesuatu parti politik.

Sumbangan dan aktiviti politik

Kita mempunyai hak untuk membuat sumbangan politik, sama ada secara langsung atau melalui jawatankuasa atau entiti lain di mana CEMEX mengambil bahagian, dengan syarat bahawa sumbangan itu dibuat dengan mematuhi undang-undang yang berkaitan. Kita mesti memastikan, bagaimanapun, bahawa apa-apa sumbangan peribadi politik yang kita buat yang tidak melibatkan CEMEX tiada kaitan dengan Syarikat kita.

Syarikat kita menghormati hak kita untuk mengambil bahagian dalam aktiviti politik pilihan kita sendiri, asalkan penyertaan kita adalah semata-mata atas dasar peribadi dan tidak mengganggu prestasi kerja kita untuk Syarikat. Jika anda terlibat dalam aktiviti politik, anda tidak perlu mengaitkan ia dengan CEMEX atau menggunakan nama, simbol, logo syarikat atau apa-apa pengenalan lain syarikat sepanjang penglibatan anda. Di samping itu, anda tidak boleh menjalankan aktiviti politik di kemudahan syarikat atau menggunakan mana-mana aset syarikat untuk tujuan ini.

Syarikat kita tidak akan bertanggungjawab di bawah sebarang keadaan, bagi tindakan kita dalam aktiviti politik luar. Penglibatan kita dalam politik tidak akan menyebabkan berat sebelah politik bagi Syarikat kita.



Topik Berkaitan:

5. PERHUBUNGAN KERAJAAN

8. ANTI-RASUAH

10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT

KESELAMATAN & KAWALAN



14. KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

CEMEX memberikan keutamaan tinggi untuk mencegah kemalangan dan melindungi kesihatan dan keselamatan tenaga kerja kita. Kita komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan kita dengan cara yang selamat dan cekap dan menjaga kesejahteraan semua orang di tapak kita dan orang-orang yang boleh dipengaruhi oleh aktiviti kita.



Soalan: Saya menyedari bahawa rakan sekerja saya tidak bekerja seperti biasa. Apabila saya mendekatinya, dia kelihatan letih dan sakit. Saya bertanya kepadanya jika dia merasa sakit, dan dia memberitahu saya bahawa dia tidak tidur kerana penyelia kami memaksa dia bekerja berjam-jam, mengancam kehilangan kerjanya jika dia ingkar. Saya tahu bahawa ini melanggar undang-undang buruh di kawasan kita. Bagaimana saya boleh membantu dia?

Jawapan: Jika anda merasakan bahawa terdapat aktiviti yang menyalahi undang-undang berlaku, anda perlu melaporkannya serta-merta. Bukan sahaja keadaan ini merbahaya kepada rakan anda, ia juga berpotensi mempengaruhi keselamatan orang di sekelilingnya. Memandangkan rakan anda memberitahu anda bahawa ini merupakan arahan penyelia atasan anda, anda harus berunding dengan ETHOSline, Jawatankuasa Etika tempatan anda atau Jabatan Sumber Manusia anda. CEMEX menghormati hak asasi manusia, dan Syarikat kita tidak akan bertolak ansur dengan pelanggaran undang-undang buruh.

Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban untuk Kesihatan dan Keselamatan

Setiap orang yang bekerja untuk CEMEX bertanggungjawab untuk mempraktikkan tatacara kesihatan dan keselamatan yang betul serta melaporkan potensi risiko kepada diri mereka sendiri dan orang lain. Tiada tindakan atau keputusan yang begitu penting sehingga kita perlu mengorbankan keselamatan kita atau keselamatan pekerja lain, kontraktor atau masyarakat. Pekerja dan kontraktor bertanggungjawab untuk menghentikan apa-apa kerja atau mana-mana keadaan yang dianggap tidak selamat.

Pengurus dipertanggungjawabkan untuk kesihatan dan keselamatan operasi mereka dan dijangka mempamerkan kepimpinan dan komitmen untuk memastikan kesihatan dan keselamatan diberi keutamaan tinggi.

Kita komited untuk menjadikan CEMEX tempat kerja yang selamat dan menyokong semua aspek kesihatan dan kesejahteraan pekerja kita. Kita menyediakan pekerja-pekerja dengan latihan yang berterusan untuk mengenal pasti risiko di tempat kerja dan kita menyumbang dalam peningkatan kesihatan masyarakat kita melalui agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sesuai. CEMEX mengharapkan semua kakitangan dan kontraktor, untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan keselamatan dan kesihatan serta polisi, amalan, sistem dan prosedur CEMEX.

Kelengkapan perlindungan diri

CEMEX menyediakan pekerja-pekerja dengan peralatan perlindungan peribadi yang diperlukan untuk menjalankan kerja kita, serta latihan yang perlu untuk kegunaan yang betul. Kita mempunyai kewajipan untuk menggunakan peralatan perlindungan yang diberikan kepada kita dengan betul.

Jika anda menyelaras perkhidmatan kontraktor atau kakitangan luar, anda perlu pastikan bahawa mereka mematuhi peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan yang sama serta jangkaan yang digunapakai pekerja CEMEX sendiri.



Soalan: Saya menerima kenaikan pangkat baru-baru ini, dan jawatan baru saya memerlukan saya untuk mengendalikan peralatan yang tidak pernah saya gunakan sebelum ini. Selepas beberapa hari diberi latihan, penyelia saya mahu saya mula bekerja dengan peralatan ini secara kerap untuk menggantikan masa yang hilang. Beliau berkata bahawa saya akan belajar dalam masa yang sama. Saya tidak selesa mengendalikan peralatan ini tanpa pengawasan. Bolehkah saya meminta bantuan tambahan?

Jawapan: Ya. Anda perlu memberitahu penyelia anda dengan serta-merta bahawa anda tidak bersedia untuk menggunakan peralatan ini dengan sendiri. Jika dia mendesak bahawa anda akan belajar sambil bekerja, hubungi ETHOSline, Jawatankuasa Etika tempatan anda atau Jabatan Sumber Manusia anda untuk bantuan tambahan. Hanya mereka yang terlatih, yang diberi kuasa dan kompeten boleh mengendalikan peralatan. Melakukan yang sebaliknya boleh menjejaskan keselamatan dan berpotensi mendedahkan orang di sekeliling kita pada risiko.

Keselamatan dan integriti aset

Kita bertanggungjawab untuk menjaga persekitaran kerja dengan bersih dan teratur, dan seterusnya menyumbang kepada amalan keselamatan operasi dan pencegahan bahaya.

Kita akan bekerjasama secara proaktif dalam reka bentuk dan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan yang diperlukan untuk memastikan keselamatan, kebolehpercayaan dan integriti aset CEMEX. Setiap dari kita mestilah memahami keperluan untuk mematuhi peraturan dan prosedur keselamatan dan perlu melaporkan apa-apa akibat atau aktiviti yang boleh menimbulkan risiko kepada keselamatan operasi loji dan peralatan kita dan selanjutnya mendatangkan potensi risiko yang bahaya kepada orang ramai.



Topik Berkaitan:

- 5. PERHUBUNGAN KERAJAAN
- 6. PERHUBUNGAN MASYARAKAT
- 17. PEMELIHARAAN ASET



Soalan: Seorang pekerja saya baru-baru ini datang kepada saya untuk melaporkan kebimbangannya. Dia memberitahu saya bahawa dia merasakan seorang rakan sekerja lain – pekerja saya – berkemungkinan bekerja di bawah pengaruh alkohol. Dia tidak pasti, tetapi perasan akan percakapan rakan sekerja itu merapu dan nafasnya berbau alkohol. Bagaimana saya perlu menangani situasi ini?

Jawapan: Sebagai penyelia, anda mempunyai tanggungjawab yang penting untuk memupuk persekitaran yang selamat bagi pekerja anda. Anda perlu menangani isu ini dengan serta-merta, kerana ia adalah satu risiko keselamatan yang serius. Jauhkan pekerja daripada tugasannya dan beritahu dia anda perasan perubahan dalam tingkah laku dan mahu melihat jika dia selamat melaksanakan tugasnya. Dokumentkan isu ini dan jika perlu, buat laporan susulan kepada ETHOSline, Jawatankuasa Etika tempatan anda atau Jabatan Sumber Manusia anda. Jika pekerja itu membahayakan dirinya sendiri atau orang lain dengan serta-merta, hubungi pihak berkuasa tempatan.

15. MAKLUMAT SULIT

Di CEMEX, kami percaya bahawa keupayaan kami untuk mendapatkan maklumat dan menggunakan dengan baik mewujudkan kelebihan daya saing. Sehubungan itu, kita mesti mentadbir dan mengendalikan maklumat dengan cara yang bertanggungjawab, selamat, berobjektif dan mengikut undang-undang.



Soalan: Untuk kerja saya, adalah penting bahawa saya berhubung pada setiap masa. Saya sering menjalankan perniagaan pada komputer riba Syarikat dan telefon bimbit sambil berulang-alik ke tempat kerja, menghadiri jamuan atau menghabiskan masa di khalayak ramai. Saya tidak pernah meninggalkan barang-barang ini tanpa pengawasan. Adakah terdapat apa-apa lagi yang saya perlu lakukan untuk melindungi aset dan maklumat CEMEX?

Jawapan: Anda berada di landasan yang betul dengan tidak meninggalkan aset Syarikat tanpa pengawasan. Walau bagaimanapun, anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga apabila menjalankan urusan CEMEX di luar tempat kerja. Berhati-hati tentang maklumat sulit atau kepentingan maklumat Syarikat semasa anda berada di tempat-tempat awam. Anda tidak tahu samada orang lain mungkin mendengar atau melihat dari belakang anda. Juga, pastikan anda menggunakan talian selamat, dan tidak pernah menyimpan maklumat sulit dalam peranti peribadi anda. Jika anda tidak pasti, adalah lebih baik untuk menunggu sehingga anda berada di lokasi yang selamat untuk menjalankan urusan CEMEX.

Maklumat sulit ditakrifkan sebagai apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Syarikat atau anak-anak Syarikat dan sekutu-sekutunya, serta pegawai-pegawai, pengarah, pemegang saham, operasi, aktiviti, pelan, pelaburan atau strategi yang belum dibentangkan kepada orang ramai dengan cara yang sah di sisi undang-undang. Ia termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Maklumat perakaunan dan unjuran kewangan
- Penggabungan, pemerolehan, usahasama dan pengembangan serta rancangan perniagaan
- Urus niaga dan pembiayaan Sekuriti
- Polisi atau amalan perdagangan dan operasi
- Kontroversi perundangan atau pentadbiran
- Perubahan organisasi
- Penyelidikan dan pembangunan produk baru
- Maklumat peribadi pekerja
- Harta intelek seperti rahsia perdagangan, paten, tanda dagangan dan hak cipta
- Senarai pelanggan dan pembekal, struktur kos dan polisi harga

Keselamatan dan pengendalian maklumat sulit

Setiap seorang dari kita di CEMEX adalah bertanggungjawab untuk penggunaan maklumat dengan betul. Penyelia dan pengurus adalah bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan maklumat yang betul oleh pasukan masing-masing. Jika anda adalah seorang penyelia atau pengurus, anda hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa semua ahli-ahli pasukan anda mematuhi dasar syarikat mengenai perlindungan maklumat. Penggunaan yang tidak dibenarkan atau pendedaran maklumat sulit melanggar Kod syarikat dan mungkin menyalahi undang-undang.

Penggunaan maklumat sulit

Kita tidak boleh mendedahkan atau menyampaikan maklumat sulit kepada pihak ketiga dalam apa jua keadaan, kecuali apabila dikehendaki dan diberi kuasa untuk berbuat demikian atas sebab-sebab perniagaan. Dalam semua kes itu, kita mesti memberitahu penyelia atasan, Jabatan Perundangan atau orang yang bertanggungjawab ke atas maklumat sulit itu sebelum mana-mana pendedahan. Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai pengendalian apa-apa maklumat, anda harus berunding dengan penyelia atasan anda, Jabatan Perundangan, orang yang bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut atau gunakan ETHOSline.

Jika anda perlu untuk mendedahkan atau memberikan maklumat sulit kepada pekerja CEMEX yang lain, anda mesti menasihati penerima mengenai ciri sulit maklumat tersebut. Semua orang di luar CEMEX yang menerima maklumat itu mesti menandatangani perjanjian kerahsiaan.

Syarikat melarang keras penggunaan maklumat sulit, sama ada secara langsung atau melalui orang lain, untuk mendapatkan manfaat atau kelebihan yang tidak sah. Tindakan sedemikian boleh menyebabkan kerugian, kerosakan atau nasib malang kepada kepentingan CEMEX atau pihak berkepentingan kita. Jika digunakan secara tidak wajar maklumat sulit boleh mengakibatkan tindakan disiplin dikenakan, dan juga mungkin mempunyai kesan undang-undang. Para pemegang saham, ahli lembaga pengarah, ahli-ahli pengurusan syarikat, juruaudit dalaman dan luaran berkanun, pekerja, kontraktor, pembekal dan pelanggan adalah juga terikat di sisi undang-undang untuk menyimpan maklumat tersebut secara sulit.

Perdagangan maklumat dalaman

Menggunakan maklumat bukan awam untuk mendagangkan sekuriti atau memberi apa-apa maklumat kepada mana-mana ahli keluarga, rakan atau mana-mana orang lain (suatu tindakan yang dikenali sebagai “tip”) adalah menyalahi undang-undang. Semua maklumat bukan awam perlu dipertimbangkan maklumat dalaman dan tidak boleh digunakan untuk keuntungan peribadi. Kita dikehendaki untuk membiasakan diri dan mematuhi polisi perdagangan dalaman CEMEX, di mana salinannya diedarkan kepada semua kakitangan, pegawai dan pengarah, dan disediakan melalui Pusat Polisi ETHOS.

Maklumat yang dikehendaki oleh pihak berkuasa dan pihak-pihak lain

Apabila pihak berkuasa kerajaan meminta maklumat sulit, kita boleh berikan hanya jika permintaan itu dibuat secara bertulis, memenuhi keperluan undang-undang yang berkenaan dan diluluskan oleh penyelia atasan, Jabatan Perundangan dan mana-mana bahagian yang berkenaan. Adalah penting untuk mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh badan-badan pengawalseliaan yang berbeza yang mengawal tindakan Syarikat kita.

Hanya jurucakap rasmi CEMEX diberi kuasa untuk memberikan maklumat korporat kepada media, penganalisis atau lain-lain pihak luar.

Maklumat sulit pihak ketiga

Kita menghormati hak milik dan maklumat kepentingan syarikat-syarikat lain. Semua pekerja, pegawai dan pengarah CEMEX mesti menghormati hak milik dan maklumat tersebut. Ini bermakna kita tidak melanggar apa-apa dokumen dan bahan-bahan yang dipaten atau hak cipta. Di samping itu, kita tidak pernah mendedahkan maklumat sulit majikan terdahulu, atau apa-apa maklumat yang secara tidak sengaja diturunkan kepada kita.

Jangan sekali-kali menggunakan, menyalin atau mendedahkan apa-apa maklumat sulit tanpa merujuk terdahulu dari ETHOSline atau Jabatan Perundangan anda.

Di samping itu, mana-mana rekaan, penambahbaikan, inovasi atau pembangunan yang kita jana secara langsung atau tidak akibat daripada tanggungjawab kerja kita adalah kepunyaan CEMEX, tertakluk kepada undang-undang negara di mana pembangunan itu dihasilkan. Akhirnya, seperti mana kita mempunyai kewajipan untuk melindungi maklumat sulit majikan terdahulu, kita juga mempunyai tanggungjawab untuk melindungi maklumat kepentingan dan sulit CEMEX selepas kita meninggalkan CEMEX.



Topik Berkaitan:

- 10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT
- 16. REKOD DAN KAWALAN KEWANGAN



Soalan: Salah seorang rakan sekerja saya baru-baru ini menyebut bahawa beliau merancang untuk memulakan perniagaan sampingan sendiri. Apabila dia menerangkan kepada saya apa yang beliau rancang untuk lakukan, ia adalah jelas bahawa dia tidak akan bersaing dengan CEMEX, dan tidak akan menjalankan perniagaan ketika masa bekerja atau menggunakan sumber CEMEX. Walau bagaimanapun, saya ternampak dia mengakses senarai pelanggan dan mencetaknya semasa di tempat kerja. Saya fikir mungkin dia berharap untuk menggunkan maklumat ini untuk membantunya memulakan perniagaan dia. Perlukah saya melaporkan apa yang saya saksikan?

Jawapan: Ya, anda perlu melaporkan aktiviti rakan sekerja anda dengan segera. Kita mempunyai tanggungjawab untuk melindungi maklumat sulit pelanggan-pelanggan kita dan rakan kongsi perniagaan yang lain, dan hanya boleh menggunakan maklumat ini untuk perniagaan CEMEX yang sah. Selain itu, kita tidak boleh menggunakan maklumat yang diperolehi melalui kedudukan kita di CEMEX untuk keuntungan peribadi.

16. REKOD DAN KAWALAN KEWANGAN

CEMEX berusaha untuk membina kredibiliti dan kepercayaan dengan pihak berkepentingannya. Syarikat mengiktiraf tanggungjawabnya untuk berkomunikasi secara efektif dengan pihak berkepentingannya supaya mereka mendapat maklumat tepat sepenuhnya tentang keadaan kewangan dan hasil operasi CEMEX. Justeru, kita sebagai pekerja CEMEX akan memastikan bahawa, dalam skop tanggungjawab dan tugas kita, rekod kewangan adalah tepat dan kawalan kewangan adalah efektif. Kita juga perlu pastikan laporan serta dokumen yang diserahkan kepada pengatur sekuriti juga komunikasi awam termasuk pendedahan penuh, tepat, adil dan mudah difahami.



Soalan: Saya seorang penyelia, dan salah satu pekerja saya sentiasa lupa untuk log masuk kerja. Saya tahu bahawa dia tiba bekerja pada masa yang ditetapkan, dan melakukan kerja yang baik, jadi saya tidak fikir ia adil untuk menghukum dia kerana pelupa. Setiap waktu gaji, saya menyesuaikan masa untuk menggambarkan bilangan sebenar waktu, saya percaya dia telah bekerja. Adakah ini melanggar Kod kita?

Jawapan: Ya menyimpan rekod palsu atau tidak tepat menjejaskan komitmen kami kepada ketelusan kewangan. Berbincang dengan pekerja anda dan biarkan dia tahu bahawa, walaupun anda menghargai kerja kerasnya, dia mesti ingat untuk log masuk pada masa yang ditetapkan. Jika unit perniagaan anda diaudit, rekod masanya yang tidak wajar mungkin menimbulkan persoalan dan kebimbangan untuk CEMEX.

Pekerja, pegawai dan pengarah CEMEX akan mengelakkan daripada lebih, ramalan, kesimpulan perundangan dan pendapat serta pencirian yang mengancam individu dan syarikat. Ini termasuk semua jenis komunikasi seperti e-mel dan nota atau memo tidak rasmi. Rekod mesti selalu dikendalikan berdasarkan polisi rekod CEMEX. Jika pekerja, pegawai atau pengarah tidak pasti sama ada dokumen perlu dikekalkan, mereka perlu berunding dengan Jabatan Perundangan sebelum bertindak.

Rekod kewangan termasuk pernyataan kewangan, laporan, pulangan cukai, bukti sokongan dan sebarang dokumen lain yang menggambarkan operasi syarikat. Kawalan kewangan merupakan prosedur berkaitan dengan penjagaan aset dan memastikan kebolehpercayaan rekod kewangan. Ia termasuk garis panduan untuk kelulusan urus niaga.

Merekod, penjagaan dan penyediaan laporan kewangan

Rekod, penjagaan dan penyediaan laporan kewangan untuk pihak berkepentingan CEMEX yang berbeza mesti mematuhi undang-undang/peraturan negara, negeri dan tempatan, prinsip perakaunan yang diterima umum dan garis panduan kawalan yang dikeluarkan oleh Syarikat. Semua urus niaga kewangan akan disediakan dengan perincian munasabah, dengan bukti yang diperlukan oleh undang-undang berkenaan dan dimasukkan dalam akaun yang betul setelah dilengkapkan.

Pendedahan maklumat kewangan

Maklumat kewangan hanya akan didedahkan seperti di bawah “Maklumat Sulit”. Mengubah atau memalsukan dokumen, rekod atau laporan untuk menyembunyikan maklumat yang mungkin mengubah pentafsiran maklumat kewangan adalah dilarang sama sekali.

Kawalan Kewangan

Operasi yang berkaitan dengan kawalan dan rekod kewangan akan dijalankan menurut prosedur kawalan dalaman yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengawal. Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa dasar kawalan dalaman disebarkan dan dilaksanakan. Juruaudit dalaman adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan, secara berkala, bahawa prosedur kawalan syarikat adalah dipatuhi.

Sebarang kebimbangan yang berkaitan dengan perakaunan, kawalan dalaman kewangan atau hal-hal audit hendaklah dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, melalui ETHOSline.



Soalan: Saya perlu untuk memenuhi matlamat jualan saya bagi suku terakhir tahun ini. Saya tahu bahawa ini pelanggan CEMEX akan membeli beberapa tan dalam tempoh beberapa hari akan datang, tetapi tidak boleh menghabiskan pesanan itu sehingga selepas suku berakhir. Kerana kita dijamin urusan perniagaan ini, penyelia saya mencadangkan bahawa kita mencatatkan jualan ini sekarang untuk mengelakkan akibat kerana gagal memenuhi matlamat kita. Bolehkah saya berbuat demikian?

Jawapan: Tidak. Kita mesti memastikan bahawa semua rekod-rekod kita lengkap, jujur dan tepat. Ini bermakna kita tidak boleh dengan sengaja merekodkan maklumat palsu hanya untuk memenuhi matlamat kita. Perbuatan demikian adalah melanggar Kod kita, polisi CEMEX dan undang-undang, dan tidak akan membantu Syarikat kami dalam apa jua cara. Di samping itu, tiada siapa yang harus mendesak anda untuk melakukan salah laku. Jika, selepas enggan untuk membuat suatu catatan palsu, penyelia anda terus menerus memberi tekanan kepada anda, laporkan kejadian itu dengan segera kepada ETHOSline atau Jawatankuasa Etika tempatan anda.



Topik Berkaitan:
15. MAKLUMAT SULIT

17. PEMELIHARAAN ASET

Penggunaan dan pemeliharaan aset CEMEX yang betul adalah penting bagi memenuhi misi Syarikat kita.

Aset adalah harta ketara dan tidak ketara yang dimiliki oleh CEMEX, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bangunan, jentera, peralatan, inventori, tunai, pemerolehan, saham dan sekuriti. Aset juga termasuk maklumat kepentingan, ciptaan, pelan perniagaan, paten, jenama, cap dagangan dan nama-nama, identiti korporat dan teknologi maklumat.

Penjagaan dan penyimpanan aset

Setiap daripada kita adalah bertanggungjawab bagi penjagaan dan penyimpanan apa-apa aset di bawah kawalan langsung kita. Kita tidak harus melibatkan diri, dalam mempengaruhi atau membenarkan situasi dan/atau tindakan yang melibatkan pengambilan tanpa kebenaran, pengabaian, penyalahgunaan, pinjaman, pelupusan atau penjualan aset syarikat.

Menggunakan aset untuk kepentingan peribadi atau tujuan selain daripada yang diperuntukkan dalam polisi syarikat

Aset yang dimiliki oleh CEMEX dan perkhidmatan Syarikat kita yang disediakan adalah untuk tujuan semata-mata membantu kita dalam melaksanakan tugas kita, dan untuk faedah muktamad Syarikat kita. Jika anda perlu menggunakan aset itu dan perkhidmatan untuk sebarang tujuan lain, anda mesti mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada penyelia atasan anda. Jika barang-barang itu dan / atau perkhidmatan adalah bertujuan untuk tujuan kebajikan atau kepentingan pihak lain, kebenaran bertulis diperlukan daripada Pengarah Urusan negara / ketua kawasan anda.

Penggunaan dan penyelenggaraan kemudahan, jentera dan peralatan

Hanya orang-orang kita yang terlatih dan diberi kuasa boleh menggunakan kemudahan, jentera dan peralatan CEMEX. Kita bertanggungjawab untuk melindungi aset di bawah jagaan kita, menjaga mereka dalam keadaan yang baik, mengikut prosedur penyelenggaraan yang diterima pakai dan melaksanakan semua program pencegahan risiko bagi mengelakkan kemalangan, membantu operasi tanpa gangguan dan memanjangkan hayat penggunaan aset tersebut.



Topik Berkaitan:

- 10. KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT
- 14. KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA
- 15. MAKLUMAT SULIT
- 16. REKOD DAN KAWALAN KEWANGAN

PENGURUSAN KOD ETIKA DAN PERATURAN PERNIAGAAN CEMEX



18. PENGURUSAN KOD ETIKA DAN PERATURAN PERNIAGAAN CEMEX

Bahagian ini menyatakan bagaimana Kod diuruskan untuk memastikan bahawa nilai-nilai kita masih dipraktikkan dan terus berkembang di seluruh Syarikat kita, dan juga untuk menyediakan pendekatan yang berstruktur bagi penyelesaian pelanggaran etika.

Prosedur bagi pertanyaan, cadangan, dan laporan

CEMEX menggalakkan kita semua untuk melaporkan mana-mana pelanggaran yang disyaki. Perlu diingat bahawa Syarikat kita akan menyiasat dengan teliti semua laporan pelanggaran. Selanjutnya, CEMEX tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tentangan terhadap laporan atau aduan salah laku yang dibuat dengan niat baik. Komunikasi terbuka tentang isu-isu dan kebimbangan semua pekerja, pegawai dan pengarah tanpa rasa takut akan bantahan adalah penting untuk kejayaan pelaksanaan Kod kita. Setiap dari kita perlu untuk bekerjasama dalam siasatan dalaman salah laku dan kelakuan yang tidak beretika. Apa-apa maklumat yang dibekalkan mengenai kes tertentu akan menerima layanan yang cepat, profesional dan sulit.

Kod kita diguna pakai di seluruh organisasi kita. Setiap pekerja, pegawai dan pengarah dikehendaki untuk mengikuti dan menguatkuasakan garis panduan yang ditetapkan dalam Kod kita. Untuk tujuan ini, Syarikat kita telah menubuhkan saluran komunikasi yang pelbagai bagi kita untuk bertanya soalan, memberi cadangan dan membuat nota kes-kes di mana nilai CEMEX telah secara aktif digalakkan. Saluran-saluran ini juga wujud untuk melaporkan kejadian dan mengemukakan bukti kelakuan yang tidak sesuai. Situasi yang mungkin melibatkan pelanggaran Kod kita tidak sentiasa jelas atau mudah untuk diselesaikan. Oleh itu, anda diharapkan melaporkan sebarang kebimbangan mengenai pelanggaran Kod kita kepada salah satu daripada orang yang berikut, jabatan atau badan-badan:

- ETHOSline
- Penyelia atasan anda
- Jabatan Sumber Manusia
- Jabatan Perundangan
- Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan
- Jawatankuasa Etika CEMEX
- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Kebimbangan mengenai pelanggaran Kod kita oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Etika CEMEX hendaklah dilaporkan segera kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah atau melalui ETHOSline.

Pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki mengenai perakaunan, kawalan kewangan dalaman atau hal-hal audit hendaklah dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah melalui ETHOSline.

Kesan

Dengan meletakkan nilai-nilai kita ke dalam amalan seharian kita, kita memanfaatkan diri dan orang lain. CEMEX menggalakkan kelakuan beretika. Kelakuan yang tidak beretika akan menyebabkan Syarikat kita menguatkuasakan tindakan disiplin, yang mungkin termasuk penamatan pekerjaan. Mungkin juga terdapat tindakan tambahan, obligasi atau sekatan yang diakibatkan daripada penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan.

Ingat: penyelia CEMEX bertanggungjawab bagi menunjukkan contoh nilai CEMEX. Mereka mesti mengiktiraf rakan-rakan sekerja mereka apabila sesuai, atau mengambil tindakan tatatertib yang tepat pada masanya dan sesuai dalam kes kelakuan tidak wajar.

Setiap daripada kita harus menggalakkan rakan sekerja kita untuk mematuhi nilai garis panduan dan Kod CEMEX. Kegagalan kita untuk mematuhi Kod akan dianggap salah laku dan boleh, tertakluk kepada tindakan disiplin.

Struktur pengurusan kod

Pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi pengurusan Kod ini adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan
- Jawatankuasa Etika CEMEX

Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan adalah bertanggungjawab bagi memastikan kesedaran, pemeliharaan dan penguatkuasaan Kod dengan:

- Menggalakkan amalan nilai-nilai dan peraturan
- Bertindak sebagai penasihat
- Merujuk kes kepada pihak-pihak yang sewajarnya
- Meluluskan langkah-langkah pembetulan bagi memastikan keseragaman global
- Menjana statistik dan laporan
- Menangani apa-apa permintaan untuk mendapatkan penjelasan

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, Jawatankuasa Etika CEMEX mempunyai tanggungjawab berikut

- Mengemaskini dan mengubah suai Kod ini
- ‘Meluluskan calon’ keanggotaan dalam Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan
- Menyiasat dan mendokumenkan kes-kes yang dipilih
- Memberi maklum balas kepada Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan
- Menggalakkan konsisten global dalam tafsiran dan penguatkuasaan Kod ini

Untuk memastikan keberkesanannya, tiap-tiap jawatankuasa etika terdiri daripada lima orang ahli dari kawasan CEMEX yang berbeza, setiap dari mereka memiliki reputasi dan latar belakang yang cemerlang, serta diiktiraf bagi kejujuran dan pemahaman yang menyeluruh mengenai perniagaan.

Jawatankuasa kemudi CEMEX memilih ahli-ahli Jawatankuasa Etika CEMEX. Ahli-ahli Jawatankuasa Etika Unit Perniagaan dilantik oleh Pengarah Urusan Syarikat negara dan diluluskan oleh Jawatankuasa Etika CEMEX.

Kita semua berkongsi nilai-nilai Syarikat dan memikul tanggungjawab kita untuk mengamalkan dan mempraktikkan. Kita secara jelas mengakui tanggungjawab ini dengan menandatangani surat komitmen kita selepas menerima satu salinan Kod ini.

Garis panduan di dalam Kod ini tidak meliputi semua aspek; dan merupakan rujukan tambahan sampingan kepada polisi Syarikat.



Soalan: Apakah yang harus saya jangkakan apabila laporan saya disiasat?

Jawapan: Melaporkan salah laku yang disyaki adalah satu bahagian penting dalam mengekalkan komitmen kita. Walau bagaimanapun, tampil dengan suatu laporan boleh menjadi sukar apabila kita tidak tahu apa yang boleh dijangkakan. Selepas membuat laporan, sentiasa ingat perkara ini:

- Syarikat kita akan berusaha sedaya upaya untuk melindungi identiti kita, selaras dengan undang-undang tempatan.
- Dalam lokasi di mana laporan tanpa nama boleh didapati, Syarikat kita tidak akan cuba untuk mengenal pasti kita.
- Jika kita memilih untuk membuat laporan tanpa nama (jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan), ia akan menjadi lebih sukar bagi Syarikat untuk menjalankan penyiasatan secara menyeluruh. Oleh itu, disarankan agar menyediakan beberapa jenis maklumat kenalan, termasuk sebagai contoh alamat e-mel tanpa nama.
- Syarikat kita menyiasat semua laporan salah laku termasuk laporan yang dibuat tanpa nama.
- Kita tidak akan bertolak ansur dengan tentangan kerana membuat laporan dengan niat yang baik. Membuat laporan “dengan niat yang baik” bermaksud bahawa kita menyediakan semua maklumat yang kita ada, dan kita percaya ia adalah benar.
- Semua laporan akan disiasat oleh pihak berkuasa berkenaan, dan akan dikembangkan jika perlu.
- Pada masa-masa, kita mungkin akan diminta untuk mengambil bahagian dalam penyiasatan laporan. Pada masa itu, kita mempunyai tanggungjawab untuk membantu dalam siasatan. Kita boleh berbuat demikian dengan mengetahui bahawa Syarikat kita akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk melindungi identiti kita.

SURAT KOMITMEN, KOD ETIKA DAN PERATURAN PERNIAGAAN CEMEX

Saya mengakui bahawa saya telah meneliti Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX dan memahami sepenuhnya misi, nilai dan piawaian tingkah laku yang melambangkan organisasi kita. Saya memahami bahawa pematuhan kepada Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX adalah wajib untuk setiap pekerja CEMEX. Saya juga percaya bahawa dengan mematuhi Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX, kita akan menyumbang kepada pembentukan persekitaran kerja yang lebih baik dan kita akan menjadi tenaga profesional dan individu yang lebih baik. Saya mengesahkan bahawa saya mematuhi piawaian ini dan saya telah mendedahkan sebarang konflik kepentingan sebenar atau bakal berlaku. Di samping itu, saya memahami bahawa Kod Etika dan Peraturan Perniagaan CEMEX boleh didapati di ETHOS dan saya perlu untuk berunding dengannya setiap kali saya mempunyai soalan atau kebimbangan.

Tempat dan tarikh: _____

Tandatangan: _____

Nama: _____

ID Pekerja: _____

Jabatan: _____

Penyelia Atasan: _____







Periksa Kod Etika dan Peraturan
Perniagaan CEMEX dan lain-lain
polisi di dalam Pusat Polisi di

ETHOS

**Sekiranya ada keraguan, tanya
sebelum bertindak.**

Gunakan ETHOSline

 | **ETHOS**

NILAI-NILAI KITA

KESELAMATAN • PELANGGAN • KECEMERLANGAN • SATU CEMEX • INTEGRITI